

Program kesedaran penderaan seksual kanak-kanak

KUALA LUMPUR: Isu penderaan seksual kanak-kanak yang semakin kerap dilaporkan akhir-akhir ini mendapat perhatian syarikat korporat, Petra Perdana Berhad (Petra Perdana) apabila memperuntukkan RM100,000 bagi menganjurkan program kesedaran 'Pastikan Keselamatan Kami', semalam.

Program dengan kerjasama Pertubuhan Perlindungan dan Penyelamat Kanak-kanak Selangor dan Kuala Lumpur (PS. The Children) serta Kementerian Pelajaran itu merangkumi program kesedaran, modul latihan, kaunseling dan penilaian program.



NARIZA...dedah awal.

Menurut Pengarah Eksekutif Petra Perdana, Datin Nariza Hajar Hashim, berkata projek ini bertujuan memberikan kesedaran di peringkat awal kanak-kanak sehingga peringkat dewasa mengenai

penderaan seksual kanak-kanak.

"Kanak-kanak perlu didedahkan dengan isu penderaan seksual bagi mengatasinya di peringkat awal selain tanggungjawab ini dipikul ibu bapa dan masyarakat memberi perlindungan kepada mereka.

"Dalam projek ini, modul latihan berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran disampaikan kepada kanak-kanak manakala ibu bapa, guru, kaunselor sekolah dan masyarakat menjadi mekanisme sokongan kepada mereka dalam menangani isu penderaan seksual," katanya.

Pengarah PS. The Children, Madeleine Yong, ber-

kata modul program itu terbahagi tiga sasaran iaitu kakitangan Petra Perdana, pihak sekolah dan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta kanak-kanak sekolah rendah itu sendiri.

"Modul secara belajar sambil berhibur disampaikan kepada kanak-kanak melalui teknik yang mudah difahami seperti bercerita, lakonan dan persembahan boneka.

"Kami berharap program ini dapat membantu mengurangkan kes penderaan seksual kanak-kanak yang semakin serius dan pendedahan awal terhadap kanak-kanak diyakini dapat mengatasi perkara ini," katanya.

HARIAN METRO, SELASA (29.01.08)